

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM  
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
TARIKH : 30 MEI 2016

## Bebas beg plastik, polistirena

**KUALA LUMPUR 29 Mei** -Bagi menjaga alam sekitar, pihak berkuasa tempatan (PBT) di Selangor mengambil inisiatif mengurangkan penggunaan polisterin dalam kalangan peniaga bazar Ramadan.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Shahrin Ahmad berkata, kempen 'Kempen Shah Alam Bebas Polisterin' diadakan bagi memberi kesedaran kesan buruk kepada individu serta alam sekitar.

"Orang ramai khususnya peniaga dan penjaja diminta supaya tidak menggunakan polisterin. MBSA akan memulakan kempen Shah Alam bebas polisterin melalui kerjasama peniaga bazar Ramadan.

"Kempen ini akan diperluaskan kepada peniaga pasar malam, restoran dan pusat beli-belah secara berperingkat," katanya yang turut memaklumkan sebanyak 1,803 permit bazar Ramadan kepada penjaja pada tahun ini di bawah kawasan pentadbiran PBT itu.

Dalam perkembangan sama, Setiausaha Majlis, Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS), Azman Dahlan pula berkata, PBT itu turut menggalakkan pengunjung



**OPERASI** penguatkuasaan dan persampelan bazar Ramadan di Bazar Ramadan Taman Tasik Permaisuri, Kuala Lumpur, dua tahun lalu.

membawa sendiri bekas makanan dari rumah ketika mengunjungi bazar Ramadan sempena kempen Hari Tanpa Beg Plastik setiap Sabtu.

Pengunjung yang tidak membawa bekas sendiri, katanya, akan mendapat bekas makanan boleh dikitar semula daripada

peniaga namun perlu membayar RM0.20 di mana wang tersebut dimasukkan ke dalam tabung yang disediakan di setiap gerai.

"Hasil dari tabung itu akan disumbangkan kepada rumah kebajikan dan rumah anak yatim sekitar kawasan Hulu Selangor," katanya lagi.

Dalam pada itu, Pegawai Komunikasi Korporat Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), Norhayati Ahmad berkata, penganturan pasar juadah itu adalah untuk memberi peluang kepada umat Islam menjalankan perniagaan dalam bulan Ramadan.

Jelasnya, semua peniaga kecil dalam satu kawasan supaya tiada peniaga yang menjaja di merata tem-

pat sekali gus memudah pengu- rusan sisa dan trafik.

"MPAJ menyediakan sebanyak 1,531 petak dengan melibatkan 21 lokasi. Pihak MPAJ akan sentiasa membuat pemantauan di tapak-tapak pasar juadah bagi memastikan tiada gangguan lalu lintas dan kacau ganggu peniaga tidak berlesen," katanya.